



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : DPP1023/DSM1033
PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2016
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA(3)** bahagian BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 11 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Siapakah yang bertanggung jawab memperkenalkan sistem catatan bergu ?
 - A. Venice
 - B. Luca Pacioli
 - C. Adam Keynes
 - D. John Smith

2. Kumpulan item yang manakah **Aset Bukan Semasa** ?
 - A. Sewa premis terdahulu, gaji terdahulu, lengkapan
 - B. Bangunan, tanah, sewa diterima terakru
 - C. Perabot, tunai, penghutang
 - D. Mesin, kenderaan, premis

3. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan kepunyaan Encik Johan.

Encik Johan merekodkan yuran tuisyen anaknya berjumlah RM150 ke dalam buku akaun perniagaan.

Encik Johan telah gagal mematuhi konsep perakaunan

- A. Materialiti
 - B. Pemandanan
 - C. Entiti berasingan
 - D. Wang sebagai ukuran

4. Pada tahun kewangan 2014, kedai Buku Ali masih merekod komputer pejabat pada harga belian iaitu RM3,000 walaupun harga pasaran ialah RM1,800. Kedai Buku Ali mematuhi konsep perakaunan
 - A. Ketekal
 - B. Kos sejarah
 - C. Tempoh perakaunan
 - D. Wang sebagai ukuran

5. Kedai Runcit Maju membeli perabot secara tunai daripada Kedai Perabot Jaya untuk kegunaan perniagaan.

Catatan manakah yang betul ?

- A. Debit Akaun Belian
Kredit Akaun Tunai
- B. Debit Akaun Perabot
Kredit Akaun Tunai
- C. Debit Akaun Belian
Kredit Kedai Perabot Jaya
- D. Debit Akaun Perabot
Kredit Kedai Perabot Jaya
6. Tuan Hj. Mazri pemilik Perniagaan Butik Kita membawa masuk komputer peribadinya ke dalam perniagaan.

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap persamaan perakaunan.

| | ASET | LIABILITI | EKUITI PEMILIK |
|----|-----------|-------------|----------------|
| A. | Berkurang | Berkurang | Tiada kesan |
| B. | Bertambah | Bertambah | Tiada kesan |
| C. | Berkurang | Tiada kesan | Berkurang |
| D. | Bertambah | Tiada kesan | Bertambah |

7. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Perniagaan Teanna.

| | RM |
|------------------------|--------|
| Aset bukan semasa | 30,000 |
| Aset semasa | 7,690 |
| Liabiliti bukan semasa | 7,000 |
| Liabiliti semasa | 880 |

Berapakah ekuiti pemilik?

- A. RM28,430
- B. RM29,810
- C. RM43,810
- D. RM45,570

8. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** tujuan penubuhan Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)?
- A. Memajukan profesion perakaunan
 - B. Melatih akauntan-akauntan bertauliah
 - C. Menyemak dan memperbaiki piawaian perakaunan
 - D. Membuat penyelidikan dan pembangunan dalam bidang perakaunan
9. Badan perakaunan manakah yang menetapkan piawaian laporan kewangan bagi firma perniagaan?
- A. MIA
 - B. CIMA
 - C. MASB
 - D. MICPA
10. Maklumat di bawah berkaitan dengan buku Perniagaan Elektronik Mei Mei

Memulakan perniagaan pada 1 Oktober 2014 dan tempoh perakaunan perniagaannya berakhir setiap 12 bulan.

Yang manakah tempoh perakaunan perniagaan tersebut?

- A. 1 Oktober 2014 hingga 1 Mac 2015
- B. 1 Oktober 2014 hingga 30 Mac 2015
- C. 1 Oktober 2014 hingga 1 September 2015
- D. 1 Oktober 2014 hingga 30 September 2015

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Terangkan secara ringkas **TIGA (3)** konsep perakaunan.

(6 markah)

b) Pengguna maklumat perakaunan terbahagi kepada dua kategori iaitu pengguna dalaman dan pengguna luaran. Jelaskan 2 pengguna dalaman dan 2 pengguna luaran maklumat perakaunan.

(4 markah)

c) Jelaskan **TIGA (3)** perbezaan antara milikan tunggal, perkongsian dan syarikat Sdn.Bhd.

(6 markah)

d) Nyatakan **DUA (2)** fungsiimbangan duga dan **DUA (2)** penyebabimbangan duga tidak seimbang.

(4 markah)

[20 MARKAH]

SOALAN 2

a) Berikut adalah transaksi bagi Perniagaan Firdaus pada bulan Mei 2016.

| Tarikh | Transaksi |
|--------|---|
| 1 | Memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM38,000 |
| 2 | Beli stok bernilai RM8,500 daripada Pembekal Kim |
| 3 | Jualan secara kredit pada harga RM2,320. |
| 4 | Pemilik membawa masuk perabot dari rumah bernilai RM1,700 ke dalam perniagaan |
| 6 | Terima tunai daripada penghutang sebanyak RM1,400 |
| 8 | Bayar bil telefon bernilai RM120 dengan tunai |
| 12 | Pemilik mengambil stok bernilai RM400 untuk kegunaan keluarga. |
| 15 | Jualan tunai RM980. |
| 25 | Bayar pemiutang dengan cek RM2,300 |

Dikehendaki:

Tunjukkan kesan urusan perniagaan di atas dalam bentuk jadual persamaan seperti di bawah.

| Jul 2015 | Aset+ Belanja | | | | = Liabiliti + Ekuiti+ Hasil | | | | | |
|-------------|---------------|-------------------|-----------------|-----|-----------------------------|-----|---------------------------|-----|---------------|-----|
| | Aset (RM) | | Belanja (RM) | | Liabiliti (RM) | | Ekuiti Pemilik (RM) | | Hasil (RM) | |
| | (+) | (-) | (+) | (-) | (+) | (-) | (+) | (-) | (+) | (-) |
| Contoh | Bank 400 | Penghutang 400 | | | | | | | | |
| | | | | | | | | | | |

[10 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Transaksi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Qamariah.

2016

- | | | |
|-----|----|--|
| Jun | 1 | Pemilik membawa masuk modal sebanyak RM50,000 berupa tunai dibank |
| | 7 | Beli perabot secara kredit bernilai RM4,500 daripada Aminah Sdn Bhd |
| | 10 | Beli barang niaga secara tunai bernilai RM3,600 daripada Pembekal Naimah |
| | 19 | Jualan tunai sebanyak RM4,300 |
| | 25 | Terima hasil dividen dengan cek berjumlah RM1,200 |
| | 28 | Bayar gaji pekerja dengan tunai berjumlah RM2,500 |
| | 30 | Bayar sewa premis dengan cek sebanyak RM2,000 |

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|------------|
| a) Jurnal transaksi | (7 markah) |
| b) Akaun lejar untuk mencatat semua urusan niaga | (7 markah) |
| c) Imbangan duga pada 30 Jun 2016 | (6 markah) |

[20 MARKAH]

SOALAN 2

Berikut adalah Imbangan Duga bagi Gia Enterprise pada 31 Mac 2016

Imbangan Duga pada 31 Mac 2016

| | <u>Debit (RM)</u> | <u>Kredit (RM)</u> |
|-------------------------------|-------------------|--------------------|
| Modal pada 1 April 2015 | | 200,000 |
| Ambilan | 3,160 | |
| Pulangan | 240 | |
| Belian dan Jualan | 76,760 | 127,664 |
| Penghutang dan Pemiutang | 5,880 | 6,380 |
| Alatan | 16,000 | |
| Bank | 13,800 | |
| Tunai | 160 | |
| Angkutan masuk | 400 | |
| Hutang lapuk | 260 | |
| Gaji | 10,600 | |
| Sewa | | 1000 |
| Perabot (kos) | 10,400 | |
| Premis (kos) | 190,000 | |
| Belanja am | 224 | |
| Stok pada 1 April 2015 | 5,400 | |
| Kadar bayaran | 960 | |
| Angkutan keluar | 1,300 | |
| Promosi | 1,180 | |
| Insurans | 960 | |
| Susut nilai terkumpul alatan | | 1,600 |
| Susut nilai terkumpul perabot | | 1,040 |
| | 337,684 | 337,684 |

Maklumat tambahan pada 31 Mac 2016 adalah seperti berikut:

- i. Stok pada 31 Mac 2016 adalah RM6,200 pada harga kos.
- ii. Belanja am terakru RM60
- iii. Insurans dibayar bagi tempoh setahun bermula 1 Jun 2015
- iv. Susut nilai aset :
 - Alatan : 20% setahun atas kos
 - Perabot : 10% setahun atas kos
- v. Seorang peghutang didapati muflis dan hutangnya sebanyak RM1,020 telah dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% daripada penghutang bersih.
- vii. Ambilan barang niaga RM80 belum direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Penyata Pendapatan bagi bulan berakhir 31 Mac 2016;
(14 markah)
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2016.
(11 markah)

[25 MARKAH]

SOALAN 3

Aini Enterprise menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 30 November 2016. Baki penyata bank yang diterima berbeza dengan baki buku tunainya. Penyata bank dan buku tunainya adalah seperti berikut:

Penyata Bank

| Tarikh | Butir | No. cek | Debit | Kredit | Baki |
|--------|-------------------------------|---------|-------|--------|-------|
| 2016 | | | RM | RM | |
| Nov 1 | Baki | | | | 1,620 |
| 2 | Cek | 9115 | 820 | | 800 |
| 8 | Cek cawangan sendiri | 0111 | | 460 | 1,260 |
| 15 | Deposit | | | 1,120 | 2,380 |
| | Cek | 9114 | 1,020 | | 1,360 |
| 18 | Cek | 9117 | 230 | | 1,130 |
| | Cek | 9116 | 440 | | 690 |
| 19 | Deposit | | | 1,700 | 2,390 |
| 20 | Dividend | | | 550 | 2,940 |
| 22 | Deposit | | | 4,000 | 6,940 |
| 23 | Cek | 9118 | 280 | | 6,660 |
| | Cek | 9119 | 680 | | 5,980 |
| 25 | Cek penjelasan tempatan | 1022 | | 1,100 | 7,080 |
| 28 | Cek tak layan | 1622 | 1,100 | | 5,980 |
| 30 | Insurans - perintah sedia ada | | 280 | | 5,700 |
| | Caj bank | | 20 | | 5,680 |

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

| 2016 | | | 2016 | | |
|-------|----------------|--------|-------|---------------|--------|
| | | RM | | | RM |
| Nov 1 | Bank b/b | 600 | Nov 1 | Gaji | 820 |
| 5 | Kedai Velu | 460 | 8 | Kedai Madi | 440 |
| 9 | Jualan | 1,120 | 10 | Kadar bayaran | 230 |
| 14 | Perniagaan Dol | 1,700 | 16 | Kedai Lima | 280 |
| 16 | Van | 4,000 | 18 | Kedai Mewah | 630 |
| 24 | Kedai Sia | 1,100 | 27 | Pengiklanan | 270 |
| 30 | Jualan | 1,300 | 28 | Kedai Nadi | 330 |
| | | | 30 | Baki h/b | 7,280 |
| | | 10,280 | | | 10,280 |

Maklumat Tambahan:

1. Cek No. 9119 dicatatkan dengan jumlah yang salah dalam buku tunai.
- ii. Cek yang diterima daripada kedai Sia yang bernombor 1022 dipulangkan oleh bank dengan perkataan "rujuk kepada Penyuruh bayar".

Anda dikehendaki:

- a) Mengemaskini buku tunai

(9 markah)

- b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 November 2016.

(6 markah)

[15 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

